

TERHAD



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)**

PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN STPM

(Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM ini digunakan mulai
STPM tahun 2024)

**Edisi: KEDUA
(MAC 2023)**

Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan

TERHAD

KANDUNGAN

	<i>Perkara</i>	<i>Halaman</i>
PENGENALAN		3
PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN		
1.	Syarat Kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan STPM	4
2.	Pendaftaran Masuk Peperiksaan STPM	5
3.	Tukar/Tambah/Gugur Mata Pelajaran STPM	7
4.	Pendaftaran Lewat Bagi Calon Yang Ingin Mengulang Untuk Memperbaiki Keputusan STPM Tahun Sebelumnya	8
5.	Kaedah Mengulang untuk Memperbaiki Keputusan STPM	9
6.	Pembetulan Maklumat	11
7.	Pusat Peperiksaan STPM	12
8.	Jadual Waktu Peperiksaan STPM	12
9.	Perpindahan Pusat Peperiksaan STPM	12
10.	Penarikan Diri daripada Peperiksaan STPM	13
11.	Penangguhan Peperiksaan STPM	14
12.	Penyakit Berjangkit	14
13.	Calon Berkeperluan Khas (CBK)	15
14.	Bahan yang Dibawa oleh Calon	16
15.	Kerja Kursus STPM	16
16.	Pembetulan Markah Kerja Kursus STPM	17
17.	Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan Semester (Peperiksaan Ulangan 1 dan Ulangan 2)	17
18.	Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Semester	18
19.	Perhatian untuk Calon	19
20.	Pembatalan Keputusan dan Penyingkiran Calon	20
21.	Pemberitahuan tentang Keputusan Peperiksaan STPM	21
22.	Sijil STPM	25
23.	Laporan Peperiksaan STPM	26
24.	Hasil Kerja Calon	26
25.	Pemilihan Mata Pelajaran STPM	27
26.	Mata Pelajaran yang Ditawarkan dan Buku Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM	28
27.	Perhatian	29
	SENARAI MATA PELAJARAN DAN KERTAS	30
	SENARAI BUKU SUKATAN PELAJARAN PEPERIKSAAN	36

PENGENALAN

Majlis Peperiksaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225] merupakan badan berkanun persekutuan yang beroperasi di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) ditadbir oleh lembaga pengelola yang disebut "Majlis" yang keanggotaannya terdiri daripada 19 orang Naib Canselor universiti awam tempatan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pengarah Lembaga Peperiksaan, Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, dan lima orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Majlis dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan Naib Canselor universiti awam tempatan.

MPM dipertanggungjawabkan untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai peperiksaan tahun 1982. Peperiksaan ini menggantikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan/*Higher School Certificate* yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment, England. Peperiksaan STPM ini dilaksanakan pada setiap Semester di sepanjang tempoh pengajian yang terdiri daripada tiga Semester. Gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga Semester ini akan menentukan pencapaian keseluruhan dalam pengajian STPM. Sejalan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan Perancangan Senario MPM 2007 – 2025, MPM juga menitikberatkan soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam peperiksaan STPM. Peperiksaan STPM ini juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti pelajar lepasan STPM seperti yang dimatlamatkan dalam bidang keberhasilan utama peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Di samping mengurus peperiksaan STPM, MPM juga mengelolakan *Malaysian University English Test* (MUET) mulai tahun 1999. Ujian kecekapan bahasa Inggeris ini wajib diambil oleh pelajar yang ingin mengikuti program ijazah pertama di Universiti Awam (UA) dan juga untuk tujuan bergraduasi. Ujian MUET ditadbirkan tiga kali setahun mulai tahun 2012. Mulai 2018 MPM juga telah memperkenalkan kaedah *MUET on Demand* (MoD) yang dilaksanakan hampir setiap bulan.

Pada tahun 2013, Majlis Peperiksaan Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah diminta menawarkan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi menguji kemampuan warganegara asing menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dengan baik. Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW) ini telah dilancarkan pada tahun 2015.

Majlis Peperiksaan Malaysia dengan kerjasama Majlis Dekan Dekan Fakulti Perubatan Malaysia telah melaksanakan ujian *Medical Specialist Pre Entrance Examination* (MedEx) yang pertama pada tahun 2019.

Dalam mengelolakan peperiksaan STPM, MUET, dan SKBMW MPM melaksanakan fungsi yang berikut (Akta 225 Seksyen 10):

- (a) menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran peperiksaan;
- (b) menyediakan kertas soalan peperiksaan;
- (c) mendaftarkan calon peperiksaan;
- (d) mentadbirkan peperiksaan;
- (e) menganugerahkan sijil.

Pentadbiran MPM dan pengurusan peperiksaan dijalankan oleh Urus Setia Majlis yang bertanggungjawab kepada Majlis. Urus Setia Majlis diketuai oleh Ketua Eksekutif yang juga Ahli Majlis dan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Pentadbir, dan Ketua Pegawai Akademik.

Dalam pengurusan peperiksaan, MPM mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPT), Cambridge Assessment International Education, United Kingdom dan badan profesional yang berkaitan, serta individu yang mempunyai kepakaran khusus. Selain itu, MPM juga merupakan ahli tetap International Association for Education Assessment (IAEA) sejak tahun 2014.

PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN

1 Syarat Kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan STPM

- 1.1 Calon yang mempunyai satu daripada kelayakan yang berikut:
- (a) Lulus Bahasa Melayu* SPM gred P8 tahun 1999 atau tahun-tahun sebelumnya
 - (b) Lulus Bahasa Melayu* SPM dengan sekurang-kurangnya gred E tahun 2000 hingga 2012
 - (c) Lulus SPM tahun 2013 hingga tahun semasa dengan mendapat sekurang-kurangnya gred E dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah*
 - (i) sekurang-kurangnya gred C bagi **tiga** mata pelajaran, **atau**
 - (ii) sekurang-kurangnya gred C bagi **dua** mata pelajaran dan lulus sekurang-kurangnya gred E **empat** mata pelajaran
 - (d) GCE/SAP (Malaysia atau *Cambridge* dengan **tiga** kelulusan peringkat biasa** yang diperoleh dalam satu peperiksaan)
- 1.2 Calon sekolah swasta/persendirian individu, bukti kelulusan SPM di atas akan disemak oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Sekiranya, tidak menepati kelayakan, pendaftaran calon akan dibatalkan.
- 1.3 Calon yang mempunyai mana-mana kelayakan luar negara yang setaraf dengan SPM hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran untuk mengambil peperiksaan STPM daripada MPM.

* Calon boleh menggunakan keputusan Bahasa Melayu atau Sejarah yang diambil dalam peperiksaan SPM Ulangan

** Kelulusan peringkat biasa GCE/SAP bermakna kepujian pada peringkat SPM/MCE.

Untuk kemasukan ke Universiti Awam (UA) sila rujuk Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Kementerian Pengajian Tinggi melalui portal di alamat www.upu.mohe.gov.my

2 Pendaftaran Masuk Peperiksaan STPM

- 2.1 Pemakluman tentang tarikh pendaftaran peperiksaan STPM dibuka dan ditutup boleh dirujuk pada Kalendar Peperiksaan STPM di portal rasmi MPM, <http://www.mpm.edu.my>, *Facebook* rasmi MPM (Majlis Peperiksaan Malaysia), dan *Instagram* rasmi MPM (majlispeperiksaan).
- 2.2 Calon yang mengambil peperiksaan ini terbahagi kepada lima jenis seperti yang berikut:
- (a) Calon jenis 1, iaitu calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan
 - (b) Calon jenis 2, iaitu calon sekolah swasta
 - (c) Calon jenis 3, iaitu calon persendirian individu tahun semasa
 - (d) Calon jenis 4, iaitu calon persendirian individu yang memperbaiki keputusan peperiksaan tahun sebelum.
 - (e) Calon jenis 7, iaitu calon sekolah agama kerajaan negeri
 - (f) Calon jenis 8, iaitu calon sekolah integriti
- 2.3 Semua calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 dikehendaki mendaftar **sekali sahaja**, iaitu dalam Semester 1, untuk menduduki peperiksaan STPM bagi ketiga-tiga semester. Calon dibenarkan mengambil maksima sehingga **lima** mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Mata pelajaran Pengajian Am **wajib** diambil untuk **permohonan ke universiti awam dan pengiraan Purata Nilai Gred (PNGK) STPM**.
- 2.4 Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 **tidak** boleh menukar status jenis calon ke jenis 2 (sekolah swasta) atau jenis 3 (persendirian individu) **tanpa kebenaran daripada MPM**. **Sekolah** mesti menulis surat kepada MPM memaklumkan perkara ini. Disebabkan yuran bagi STPM adalah percuma kepada calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8, maka calon yang telah diluluskan menukar status ke jenis 2 atau jenis 3 **mesti** membayar yuran kepada MPM terlebih dahulu. Permohonan untuk menukar status ke calon jenis 3 hendaklah dikemukakan ke MPM **selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum peperiksaan Semester 2. Calon tidak dibenarkan menukar status pada semester 3.**
- 2.5 Calon jenis 2 dan jenis 3 boleh mendaftar pada Semester 1 atau Semester 2. Jika calon jenis 2 dan jenis 3 mendaftar pada Semester 1, calon akan menduduki peperiksaan STPM Semester 1, Semester 2, dan Semester 3. Sekiranya calon mendaftar pada Semester 2, calon boleh menduduki peperiksaan mulai Semester 2 atau menduduki peperiksaan sekali gus pada Semester 3 (peperiksaan Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2). Calon hendaklah memilih semasa membuat pendaftaran dalam talian.
- 2.6 Bayaran yuran* untuk mengambil peperiksaan ini adalah seperti yang berikut:
- (a) Yuran Asas RM120.00
 - (b) Yuran setiap mata pelajaran RM90.00
 - (c) Caj mengulang peperiksaan bertulis per kertas RM50.00

Nota: * Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan **dikecualikan** daripada membayar yuran STPM. Walau bagaimanapun, semua calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis bagi sesuatu semester, calon akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00 per kertas**.

- 2.7 Bayaran yuran bagi calon yang menukar status daripada calon jenis 1, jenis 7, atau jenis 8 kepada calon jenis 2 atau jenis 3 adalah seperti yang berikut:
- | | |
|--|----------|
| (a) Yuran Asas | RM120.00 |
| (b) Yuran setiap mata pelajaran per semester | RM30.00 |
- 2.8 Pendaftaran masuk peperiksaan bagi **semua jenis calon** dibuat secara dalam talian. Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon dikehendaki melayari portal MPM <http://www.mpm.edu.my> bagi tujuan pendaftaran. Calon digalakkan untuk melaksanakan semua urusan pembayaran pendaftaran peperiksaan secara dalam talian (FPX).
- 2.9 Bagi calon **jenis 2** dan **jenis 3**, bayaran yuran STPM hendaklah dijelaskan **sekali gus** semasa membuat pendaftaran. Calon akan mendapat keputusan peperiksaan dengan kod **W** sekiranya yuran peperiksaan **tidak** dijelaskan sepenuhnya.
- 2.10 Bagi calon jenis 2, Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dikehendaki membayar bayaran asas dan bayaran mata pelajaran STPM yang hendak diambil oleh calon sekolahnya dengan membeli nombor **PIN MEC** (nombor PIN *Malaysian Examinations Council*) bagi setiap calon secara dalam talian melalui <https://mypay.com.my/web/mpm>.
Calon dinasihatkan merujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 30-35 sebelum membeli PIN MEC.
- 2.11 PIN MEC juga boleh dibeli di kaunter BSN secara pukal oleh Setiausaha Peperiksaan (SUP) sahaja.
- 2.12 Bagi calon jenis 3, pendaftaran hendaklah dibuat secara dalam talian di portal MPM. Calon akan membuat pendaftaran dan bayaran secara dalam talian (<https://daftarstpm.mpm.edu.my>).
- 2.13 Pendaftaran untuk menduduki peperiksaan STPM hanya dibuka pada Semester 1 dan Semester 2 sahaja (sila rujuk Kalendar Peperiksaan STPM di portal MPM)*. PIN MEC yang dibeli (merangkumi pendaftaran STPM untuk Semester 1, Semester 2, dan Semester 3) hanya boleh digunakan untuk pendaftaran peperiksaan STPM pada semester **tahun semasa sahaja** (PIN MEC yang dibeli untuk pendaftaran STPM pada Semester 1 akan tamat tempohnya pada tarikh tutup pendaftaran Semester 1. Calon yang akan mendaftar STPM pada Semester 2 hendaklah membeli PIN MEC pada Semester 2).
- 2.14 Pendaftaran calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 bagi mata pelajaran di luar pakej sekolah mesti mendapat kelulusan daripada MPM. **Pendaftaran** mata pelajaran **di luar pakej sekolah** hanya dibenarkan untuk mata pelajaran yang mempunyai **kertas alternatif bertulis dan mata pelajaran yang tiada kerja kursus**.
- 2.15 Permohonan untuk mengambil mata pelajaran di luar pakej sekolah hendaklah dihantar ke MPM melalui Pengetua Sekolah/Institusi dan salinan permohonan hendaklah dihantar kepada Jabatan Pendidikan Negeri (**u.p. Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan**). Guru/Setiausaha Peperiksaan (SUP) hendaklah mendaftarkan mata pelajaran di luar pakej tersebut secara dalam talian.

Nota: * Pendaftaran pada Semester 2 hanya terhad kepada calon jenis 2 dan calon jenis 3 sahaja.

3 Tukar/Tambah/Gugur Mata Pelajaran STPM

- 3.1 Tukar/Tambah/Gugur mata pelajaran hanya dibenarkan pada Semester calon membuat pendaftaran, iaitu sama ada pada Semester 1 (semua jenis calon) atau Semester 2 (calon sekolah swasta/persendirian individu). Yuran bagi mata pelajaran yang digugurkan/ditukar tidak akan dikembalikan.
- 3.2 Jika calon telah mendaftar bagi sesuatu mata pelajaran dan ingin menukar mata pelajaran itu dengan mata pelajaran yang lain **selepas tamat tempoh pendaftaran**, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan. Penukaran mata pelajaran selepas tamat tempoh pendaftaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewat dua bulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu semester yang berkenaan. Penukaran mata pelajaran hanya boleh dibuat **pada semester calon membuat pendaftaran sahaja**. Penukaran mata pelajaran **selepas dua bulan** daripada tarikh tutup pendaftaran **tidak akan dilayan**.
- 3.3 **Penambahan** mata pelajaran dibenarkan sekiranya calon belum mendaftar sehingga lima mata pelajaran. Penambahan mata pelajaran boleh dibuat pada Semester 1 atau pada Semester 2.
- 3.4 Tarikh akhir permohonan calon yang ingin menambah mata pelajaran perlu diterima di MPM adalah selewat-lewatnya **dua bulan dari tarikh tutup pendaftaran Semester 1**, manakala tarikh akhir permohonan menambah mata pelajaran pada Semester 2, perlu diterima di MPM adalah **dua minggu selepas pengajian Semester 2 bermula**.
- 3.5 Caj perkhidmatan sebanyak **RM50.00** disamping **RM90.00** bagi setiap mata pelajaran yang ditambah akan dikenakan.
- 3.6 Calon yang mendaftar bagi tujuan memperbaiki keputusan keseluruhan disebabkan tidak menerima tawaran ke Institut Pengajian Tinggi **tidak** dibenarkan untuk menukar atau menambah mata pelajaran selepas membuat pendaftaran.
- 3.7 Calon **tidak** dibenarkan untuk menggugurkan mata pelajaran pada Semester 2 dan Semester 3.
- 3.8 Calon jenis 1, jenis 2, jenis 4, jenis 7, dan jenis 8 yang ingin **menukar/menambah atau menggugur mata pelajaran** hendaklah mengemukakan permohonan menggunakan borang **STPM/K14** kepada MPM melalui Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dan **menghantar salinan permohonan** kepada Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)/Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan) mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Borang STPM/K14 boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal MPM.
- 3.9 Calon mesti menduduki kesemua kertas yang telah didaftarkan pada setiap semester. Sekiranya calon **tidak menduduki salah satu** kertas pada semester yang berkenaan, keputusan peperiksaan dengan kod **X** akan dikeluarkan pada kertas dan mata pelajaran tersebut. Sekiranya calon tidak menghantar kerja kursus atau tidak menduduki kertas alternatif bertulis menggantikan kerja kursus (sila rujuk syarat mata pelajaran), keputusan kod **X** juga akan dikeluarkan. Pengiraan PNGK calon juga akan terjejas.

- 3.10 Calon boleh menyemak status pendaftaran STPM mereka dengan melayari portal MPM melalui semakan pada Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC). Semakan LPKC hendaklah dibuat pada setiap semester calon menduduki peperiksaan dalam tempoh **2 bulan sebelum peperiksaan**.
- 3.11 Calon jenis 2 dan jenis 3 **perlu mencetak LPKC** masing-masing pada **setiap semester** untuk **dibawa ke pusat peperiksaan** sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan. Bagi calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8, semakan boleh dibuat **secara berkelompok** melalui Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi. Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi hendaklah menyediakan buku rekod akuan bahawa semua calonnya telah menyemak LPKC masing-masing. Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 **tidak perlu** mencetak LPKC untuk dibawa ke pusat peperiksaan dan memadai membawa Kad Pengenalan masing-masing bagi menggantikan LPKC sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan.
- 3.12 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon hendaklah menghubungi MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. **Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan**) dengan kadar **SEGERA** jika maklumat calon tiada dalam senarai semakan LPKC atau berbeza dengan Penyata Pendaftaran. Permasalahan juga boleh diemelkan ke **stpm@mpm.edu.my**
- 3.13 Calon **tidak dibenarkan** menduduki kertas peperiksaan yang tidak didaftarkan.

4 Pendaftaran Lewat Bagi Calon Yang Ingin Mengulang Untuk Memperbaiki Keputusan STPM Tahun Sebelumnya

- 4.1 Pendaftaran lewat STPM tahun semasa hanya dibenarkan kepada calon STPM tahun sebelum yang gagal mendapat tawaran memasuki Institut Pengajian Tinggi (IPT).
- 4.2 Calon hendaklah membuat pendaftaran lewat dalam tempoh **satu minggu** selepas keputusan kemasukan ke UA diumumkan (sila rujuk Kalendar peperiksaan STPM 2024).
- 4.3 Calon yang **mendaftar lewat** bagi kes ini hendaklah menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga semester **sekali gus pada Semester 3**, iaitu kertas Ulangan 1, Ulangan 2, dan Semester 3.
- 4.4 Calon yang mendaftar untuk memperbaiki keputusan dibenarkan memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus atau tidak melaksanakannya mengikut tiga pilihan yang berikut:
- 4.4.1 Boleh bawa markah KK tahun lepas ke tahun mengulang. Jika langkau dua tahun atau lebih rujuk perkara (4.7) **ATAU**
- 4.4.2 Jika tidak memilih perkara 4.4.1, calon mesti menduduki peperiksaan alternatif bertulis bagi mata pelajaran berikut: Sains Sukan, Geografi, Seni Visual, *Physics*, *Chemistry*, *Biology*, dan Perakaunan.
- 4.4.3 Bagi mata pelajaran selain daripada perkara 4.4.2, calon boleh membuat KK / kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK yang baharu. Markah lama tidak boleh diguna pakai sama sekali walaupun markah baharu kelak lebih rendah daripada markah lama.

- 4.5 Calon yang mendaftar lewat juga dikehendaki menyiapkan Kerja Kursus mengikut keperluan mata pelajaran yang diambil (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 30-35). Mekanisme pelaksanaan dan penghantaran Kerja Kursus bagi calon yang mendaftar lewat bagi kes ini akan ditentukan oleh MPM. Sila hubungi Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengendalian STPM dan MUET, MPM.
- 4.6 Bagi calon jenis 2 dan calon jenis 3 yang **mengambil mata pelajaran baharu** berbanding mata pelajaran tahun **sebelumnya** dan **tiada** markah Kerja Kursus, calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut **tidak** menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus, calon dikehendaki melaksanakan Kerja Kursus (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 30-35).
- 4.7 Bagi calon yang pertama kali mengambil STPM sebagai calon persendirian individu (calon jenis 3) ATAU melangkau mengulang lebih dua tahun atau lebih. Calon **MESTI**:
- 4.7.1 Mendaftar kertas alternatif bertulis jika mata pelajaran tersebut menawarkan kertas alternatif bertulis **ATAU**
- 4.7.2 Melaksanakan Kerja Kursus jika mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas alternatif bertulis. MPM akan memberi panduan kepada calon.
- Sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 30-35.
- 4.8 Calon hendaklah merujuk kepada **Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM** untuk mendapatkan maklumat tentang Kerja Kursus. Manual Kerja Kursus boleh dirujuk pada portal MPM.

5 Kaedah Mengulang untuk Memperbaiki Keputusan STPM

Pilihan 1

Mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM tahun semasa secara keseluruhan bagi mendapatkan keputusan/Sijil STPM yang baharu mengikut peperiksaan tahun semasa (kaedah sedia ada seperti pada perenggan 4)

- 5.1 Calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM tahun semasa dan boleh mendaftar maksima sehingga lima mata (5) pelajaran. Sekiranya mendaftar empat (4) atau lima mata (5) pelajaran (termasuk mata pelajaran Pengajian Am), Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun semasa. Sekiranya mendaftar satu (1) hingga tiga (3) mata pelajaran sahaja, tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun semasa tanpa PNGK.

Pilihan 2

Mendaftar untuk mengulang mata pelajaran tertentu pada peperiksaan STPM tahun semasa untuk ditampal (*patching*) dalam Sijil STPM tahun sebelum (Kaedah baharu)

- 5.2 Calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM pada tahun semasa tetapi hanya dibenarkan mendaftar maksima sehingga **tiga (3) mata pelajaran** dalam peperiksaan tahun semasa. PNGK adalah berdasarkan gabungan keputusan mata pelajaran dalam peperiksaan tahun sebelum dengan keputusan mata pelajaran tertentu yang didaftarkan untuk diperbaiki pada tahun semasa. Tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun sebelum (asal).
- 5.3 Perincian/Penerangan tentang kaedah mengulang mata pelajaran tertentu pada peperiksaan STPM tahun semasa untuk ditampal (*patching*) dalam Sijil STPM tahun sebelum (kaedah baharu) adalah seperti yang berikut:
- 5.3.1 Kaedah ini adalah pilihan calon sendiri secara sukarela
 - 5.3.2 Calon hanya dibenarkan mengambil maksima **tiga (3)** mata pelajaran sahaja. Sekiranya calon hendak mengambil empat (4) mata pelajaran, calon perlu memilih pilihan 1
 - 5.3.3 Calon perlu menduduki semula peperiksaan bagi ketiga-tiga kertas bagi mata pelajaran yang telah didaftarkan. Calon perlu menduduki peperiksaan Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2
 - 5.3.4 Keputusan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) terbaik antara peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan peperiksaan STPM pada tahun memperbaiki akan diambil kira untuk ditampal (*patching*) bagi tujuan pengiraan PNGK yang baharu, tetapi tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan sijil STPM adalah mengikut tahun sebelumnya (tahun asal, bukan tahun semasa memperbaiki)
 - 5.3.5 Slip keputusan memperbaiki akan dikeluarkan sama ada keputusan mata pelajaran yang didaftar adalah lebih baik atau sebaliknya berbanding keputusan mata pelajaran tahun sebelumnya
 - 5.3.6 Sijil STPM yang baharu akan dikeluarkan sekiranya calon mendapat NGMP atau PNGK yang lebih baik daripada tahun sebelumnya (asal)
Sijil STPM yang baharu **tidak** akan dikeluarkan sekiranya calon mendapat NGMP atau PNGK yang sama atau lebih rendah daripada NGMP atau PNGK peperiksaan tahun sebelumnya (asal)
 - 5.3.7 Calon yang mendapat keputusan X (Tidak Hadir) atau keputusan Y (keputusan bagi satu mata pelajaran yang dibatalkan kerana sabit kes salah laku) pada tahun sebelumnya, dibenarkan untuk mendaftar mata pelajaran yang terlibat dalam peperiksaan memperbaiki keputusan STPM melalui pilihan ini. Namun demikian, calon yang mendapat keputusan Y, yang **dibatalkan dua atau lebih mata pelajaran tidak dibenarkan** untuk memperbaiki keputusan dengan menggunakan kaedah ini. Calon yang **dibatalkan keputusan keseluruhan STPM** atau yang digantung daripada menduduki peperiksaan STPM untuk satu tempoh yang ditetapkan juga **tidak** dibenarkan untuk memperbaiki keputusan peperiksaan dengan menggunakan kaedah ini

- 5.3.8 Calon yang mendapat keputusan X (tidak menghantar Kerja Kursus) dibenarkan mendaftar mata pelajaran yang terlibat dan perlu mengambil kertas alternatif bertulis bagi menggantikan Kerja Kursus (KK). Bagi mata pelajaran yang tiada kertas alternatif bertulis menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan/menyiapkan KK pada semester yang ditetapkan untuk mata pelajaran tersebut
- 5.3.9 Kaedah pelaksanaan KK adalah sama seperti kaedah sedia ada yang dipraktikkan kepada calon yang memperbaiki keputusan empat mata pelajaran STPM
- 5.3.10 Yuran asas dan yuran mata pelajaran adalah sama seperti yuran pendaftaran STPM sedia ada
- 5.3.11 Pendaftaran untuk memperbaiki keputusan STPM dengan menggunakan kaedah ini akan dilaksanakan pada tahun 2022 bagi kohort STPM 2021
- 5.3.12 Bagi pilihan 2, kaedah ini hanya boleh digunakan sekali sahaja, iaitu pada **tahun berikutnya sebaik sahaja** keputusan keseluruhan STPM diumumkan
- 5.3.13 Penerimaan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terhadap permohonan kemasukan calon yang menggunakan keputusan STPM melalui kaedah ini (tampal) adalah **tertakluk kepada penerimaan IPT sendiri dan di luar bidang kuasa Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)**
- 5.3.14 Kaedah pelaksanaan ini juga boleh dirujuk dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM** yang boleh dimuat turun daripada portal MPM www.mpm.edu.my dan kaedah ini telah dilaksanakan mulai STPM Tahun 2022

6 Pembetulan Maklumat

- 6.1 Semua Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/calon diingatkan bahawa sebarang pindaan atau pembetulan maklumat hendaklah dilakukan **selewat-lewatnya dua minggu** selepas tarikh Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC) dimuat naik pada **Semester 1** melalui portal MPM. Caj **RM50.00** akan dikenakan jika pembetulan maklumat dilakukan selepas tempoh tersebut. (Rujuk tarikh LPKC dimuat naik dalam portal MPM)
- 6.2 Mulai kohort STPM 2023, pembetulan maklumat hanya boleh dilakukan pada Semester 1 sahaja kecuali kepada calon sekolah swasta dan calon persendirian individu yang membuat pendaftaran pada Semester 2.
- 6.3 Jika calon memaklumkan sebarang kesalahan maklumat peribadi pada hari peperiksaan, iaitu telah **melebihi tempoh 2 minggu dari tarikh LPKC Semester 1 dimuat naik** melalui portal MPM, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan. Ketua Pengawas hendaklah mencatatkan pembetulannya di dalam Buku Rekod Pengawasan. Walau bagaimanapun MPM hanya akan membuat pembetulan tersebut selepas MPM menerima bayaran **RM50.00** bagi pembetulan maklumat.
- 6.4 Permohonan pembetulan maklumat hendaklah dibuat menggunakan Borang Pembetulan Maklumat berserta dengan bayaran **RM50.00** dalam bentuk Kiriman Wang atau *bank draft* atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia** (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan **dihantar terus ke** MPM. Borang tersebut boleh dimuat turun melalui portal MPM.

- 6.5 Calon bertanggungjawab menentukan bahawa semua butiran dan maklumat yang dimasukkan dalam sistem pendaftaran dalam talian adalah betul dengan menyemak maklumat pendaftaran yang tercatat pada **Penyata Pendaftaran (STPM/PP)** semasa proses pendaftaran dilaksanakan.
- 6.6 Pembedulan maklumat ini melibatkan pembedulan **ejaan nama** dan **nombor kad pengenalan** sahaja.
- 6.7 Permohonan pembedulan maklumat ini hendaklah diuruskan oleh SUP ke MPM **selewat-lewatnya satu bulan selepas LPKC Semester 1 dimuat naik**.

7 Pusat Peperiksaan STPM

- 7.1 Senarai pusat peperiksaan bagi sesebuah negeri akan ditentukan oleh **Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan (SPP, JPN)** yang berkenaan. Semasa mendaftar, calon hendaklah memilih pusat peperiksaan yang mana calon bercadang hendak mengambil peperiksaan ini. Walau bagaimanapun, SPP, JPN berhak menumpangkan/memindahkan calon ke pusat peperiksaan di daerah atau di bandar yang berhampiran.
- 7.2 SPP, JPN juga boleh menutup sesuatu pusat peperiksaan jika bilangan calon dipusat tersebut terlalu kecil atau tidak ekonomik. Calon di pusat tersebut boleh dipindahkan ke pusat lain yang menawarkan mata pelajaran yang diambil oleh calon.

8 Jadual Waktu Peperiksaan STPM

- 8.1 Jadual waktu peperiksaan boleh dirujuk dan dimuat turun daripada portal MPM semasa pendaftaran bagi sesuatu peperiksaan dibuka.
- 8.2 Peperiksaan bertulis akan diadakan pada setiap akhir semester, manakala Ujian Lisan Bahasa Arab (ULBA) akan diadakan pada Semester 3, peperiksaan kertas melukis bagi Seni Visual akan diadakan pada Semester 2. Ujian Hafazan Lisan (Syafawi) diadakan sebanyak dua kali pada setiap Semester 1, Semester 2, dan Semester 3.
- 8.3 Waktu yang diperuntukkan kepada tiap-tiap kertas soalan ada dinyatakan dalam sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan. Waktu untuk membaca soalan adalah termasuk dalam waktu menjawab. Calon diminta berada 15 minit awal di dalam bilik/dewan peperiksaan sebelum peperiksaan bermula (sila rujuk Jadual Waktu Peperiksaan dalam portal MPM).
- 8.4 Kertas yang terlibat dengan pertembungan perlu diduduki oleh calon pada hari yang sama. Calon yang terlibat dengan pertembungan masa peperiksaan hendaklah mendapatkan keterangan lanjut daripada Ketua Pengawas. Ketua Pengawas akan memaklumkan calon tentang waktu peperiksaan bagi kertas yang bertembung itu. Dalam kes ini, waktu rehat calon akan diubah suai oleh Ketua Pengawas.
- 8.5 Calon **tidak** dibenarkan membawa masuk Jadual Waktu Peperiksaan, buku, nota, kertas, telefon bimbit, atau peralatan lain yang tidak dibenarkan ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
- 8.6 Calon yang terikat dengan pertembungan peperiksaan SPM dan peperiksaan STPM hendaklah memilih salah satu peperiksaan sahaja.

9 Perpindahan Pusat Peperiksaan STPM

- 9.1 Permohonan untuk berpindah ke pusat peperiksaan yang lain hendaklah menggunakan borang STPM/K14 dan dikemukakan ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) **tidak** lewat dari **sebulan** sebelum hari pertama peperiksaan STPM bermula. **Permohonan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.**
- 9.2 Calon yang membuat permohonan berpindah pusat peperiksaan lewat, iaitu **kurang daripada sebulan** sebelum peperiksaan maka tukar pusat tersebut hanya akan dibuat dalam semester berikutnya.
- 9.3 Pindah pusat peperiksaan hanya dibenarkan atas sebab yang munasabah, dan bayaran sebanyak **RM50.00** akan dikenakan kepada setiap calon jika **permohonan dibuat selepas pendaftaran ditutup** bagi sesuatu semester.
- 9.4 Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dinasihatkan **memilih sekolah** yang **mempunyai mata pelajaran yang sama** dengan yang telah didaftarkan bagi memudahkan pengendalian Kerja Kursus calon.
- 9.5 Perpindahan pusat peperiksaan akan diluluskan sekiranya pusat tersebut menawarkan mata pelajaran yang telah didaftarkan oleh calon.
- 9.6 Calon yang telah menduduki peperiksaan semester 1 di sekolah lama , apabila berpindah ke sekolah baharu dan di kawasan tersebut tiada sekolah yang menawarkan mata pelajaran yang telah diduduki semasa semester 1, maka SUP sekolah baharu hendaklah membuat permohonan mata pelajaran luar pakej kepada calon tersebut kepada MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dan memberi salinannya kepada Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)/Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan)
- 9.7 Calon yang **telah diluluskan** perpindahan pusat peperiksaannya **mestilah** menduduki peperiksaan di pusat yang baharu dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran **yang baharu**. Maklumat terkini akan tercatat pada LPKC semester yang berkenaan.
- 9.8 Calon yang memohon perpindahan pusat peperiksaan boleh menyemak status permohonan mereka melalui portal MPM apabila LPKC bagi Semester tersebut dimuat naik.
- 9.9 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi **di sekolah calon yang baharu** hendaklah membuat permohonan tentang perpindahan pusat kepada MPM bagi calon yang berpindah ke sekolah tersebut menggunakan borang STPM/K14 dan memberi salinan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (Unit Pentaksiran dan Peperiksaan)/Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan).
- 9.10 Permohonan ini hendaklah dibuat **selewat-lewatnya dalam tempoh satu bulan selepas calon berpindah ke sekolah baharu.**

10 Penarikan Diri daripada Peperiksaan STPM

- 10.1 Calon yang menarik diri daripada mengambil peperiksaan STPM **tidak** akan dikembalikan yuran peperiksaannya **kecuali** bagi kes yang berikut:
- (a) Calon yang sakit berpanjangan. Surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah dikemukakan.
 - (b) Calon yang meninggal dunia. Salinan surat perakuan/Sijil Kematian hendaklah dikemukakan oleh ahli keluarga atau warisnya kepada Majlis Peperiksaan Malaysia. (u.p. **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**)
 - (c) Calon yang berjaya menyambung pelajaran ke IPTA/IPTS. Surat tawaran hendaklah dikemukakan.
 - (d) Atas sebab yang munasabah, tertakluk kepada keputusan MPM.
- 10.2 Calon/Waris yang ingin menuntut pengembalian yuran STPM hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif MPM (u.p.: **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) berserta bukti pembayaran yang sah dalam tempoh 30 hari dari tarikh peperiksaan tamat.
- 10.3 Jumlah yuran yang dikembalikan akan ditentukan oleh MPM dan yuran hanya akan dikembalikan selepas sesuatu sesi peperiksaan itu tamat. Pengembalian yuran peperiksaan yang dimohon **30 hari** selepas sesuatu sesi peperiksaan itu tamat **tidak** akan dilayan.

11 Penangguhan Peperiksaan STPM

- 11.1 Calon yang ingin menangguhkan peperiksaan STPM pada Semester 1 dan Semester 2 (kecuali peperiksaan Semester 3 dan Ulangan) hendaklah mengemukakan permohonannya **secara bertulis kepada Ketua Eksekutif, MPM** dengan memberikan sebab yang munasabah dan menyertakan bukti kepada MPM **sebulan sebelum tarikh peperiksaan** tersebut bermula. Kelulusan permohonan untuk menangguhkan peperiksaan ini tertakluk kepada pertimbangan MPM.
- 11.2 Calon yang diluluskan oleh MPM untuk menangguhkan peperiksaan pada Semester 1 atau Semester 2 hendaklah menduduki peperiksaan Ulangan 1 atau Ulangan 2 peperiksaan STPM pada Semester 3 tahun yang sama. **Tiada Penangguhan** untuk peperiksaan Semester 3 (calon **mesti** menduduki peperiksaan Semester 3).
- 11.3 Calon boleh menangguhkan peperiksaan Semester 1 atau Semester 2 bagi perkara-perkara yang berikut;
- a. Calon sakit berpanjangan
 - b. Calon sakit kritikal
 - c. Calon yang mempunyai sebab yang munasabah; tertakluk kepada keputusan MPM.
- 11.4 Calon tidak boleh menangguhkan peperiksaan Semester 3, Ulangan 1 dan Ulangan 2.
- 11.5 Bagi calon jenis 1 dan jenis 7 yang ingin menangguhkan tahun peperiksaan STPM, calon diminta untuk mendapatkan kelulusan dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri (u.p **Bahagian Pengurusan Sekolah**) melalui sekolah mengenai kemasukan semula ke Tingkatan 6 bagi tahun penangguhan.

- 11.6 Bagi calon jenis 2 dan jenis 3 yang ingin terus menanguhkan tahun peperiksaan STPM, calon diminta untuk mendapatkan kelulusan dari pihak MPM dan perlu membuat bayaran asas sebanyak **RM120.00** beserta salinan surat kelulusan tersebut. Bayaran tersebut perlu dihantarkan terus ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) semasa pendaftaran baharu (tahun semasa) dibuka.

12 Penyakit Berjangkit

Calon yang menghidap sebarang penyakit berjangkit biasanya **tidak** dibenarkan mengambil peperiksaan. Jika dibenarkan, calon akan mengambil peperiksaan di bilik yang berasingan. Calon hendaklah memaklumkan MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) secara bertulis tentang penyakit berjangkit yang di alami dengan kadar segera.

13 Calon Berkeperluan Khas (CBK)

- 13.1 Bagi calon berkeperluan khas (buta, rabun, spastik, autisme, sengau, bisu, pekak, dan lain-lain), **permohonan awal** diperlukan supaya persediaan khas dapat diadakan bagi calon berkenaan. Pengetua sekolah/calon persendirian individu dikehendaki mengemukakan permohonan [**Borang STPM/K13 (pindaan 2006)**] berserta dengan dokumen sokongan kepada MPM dan salinan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan) **selewat-lewatnya satu minggu** selepas tarikh tutup sesuatu pendaftaran.
- 13.2 Pengetua sekolah boleh memohon pertimbangan khas untuk diberikan kepada seseorang calon sekolah yang prestasi peperiksaannya mungkin terjejas disebabkan oleh sesuatu penyakit yang baharu dihidapnya atau musibah/kemalangan yang menimpa dirinya. Permohonan boleh dibuat secara bertulis berserta dengan bukti dokumen sokongan kepada MPM **selewat-lewatnya sehari** selepas tarikh akhir peperiksaan bertulis.
- 13.3 Pengetua sekolah/Ketua Pengawas boleh memohon untuk mendapatkan jurupindah tulis (Pengawas tambahan) bagi calon yang tidak dapat menulis sendiri akibat kecederaan. Bagi calon yang menggunakan perkhidmatan jurupindah tulis (Pengawas tambahan), skrip jawapan calon perlu dihantar bersama pita/CD rakaman jawapan calon. Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan) perlu memaklumkan kepada MPM dengan kadar **SEGERA** secara bertulis beserta dengan bukti dokumen sokongan tentang perkara ini.
- 13.4 Pengetua Sekolah boleh memohon pertimbangan khas bagi calon-calon berkeperluan khas. Sekiranya calon bermasalah dalam melaksanakan Kerja Kursus, MPM akan mempertimbangkan permohonan tersebut mengikut kes.
- 13.5 Pihak sekolah hendaklah menulis dengan jelas keperluan khas yang diperlukan oleh calon semasa mengisi Borang STPM/K13.

14 Bahan yang Dibawa oleh Calon

- 14.1 Calon dikehendaki membawa Kad Pengenalan/Mykad atau dokumen pengenalan diri yang lain (yang bergambar) semasa menghadiri setiap sesi dan sidang peperiksaan.
- 14.2 Calon dikehendaki membawa alat tulis, alat matematik, dan alat lukisan sendiri. Calon dikehendaki menulis jawapan dengan menggunakan **pena mata bulat** berdakwat **hitam** atau **biru** sahaja. Penggunaan dakwat berwarna yang lain adalah **tidak** dibenarkan, tetapi pensel dan catan warna lain boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta. Penggunaan sebarang jenis pemadam **tidak** digalakkan. Bagi ujian kertas aneka pilihan, calon hendaklah membawa pensel **2B** atau **BB** dan getah pemadam sendiri.
- 14.3 *Flexicurve* boleh digunakan bagi mana-mana kertas yang memerlukan lukisan bergraf.
- 14.4 Kalkulator elektronik yang senyap dan **tidak** boleh diprogram sahaja yang boleh digunakan dalam peperiksaan STPM **kecuali** soalan tertentu **tidak** membenarkan penggunaannya. Pusat peperiksaan **tidak** bertanggungjawab untuk menyediakan punca kuasa bagi kalkulator. Bahan lain yang berkaitan dengan kalkulator tersebut seperti manual pengguna **tidak** boleh dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

15 Kerja Kursus STPM

- 15.1 Kerja Kursus bagi mata pelajaran berkenaan merupakan komponen yang **wajib** diambil oleh setiap calon. Kegagalan calon menjalankan Kerja Kursus atau menghantar Kerja Kursus pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan calon mendapat keputusan kod **X** pada kertas dan mata pelajaran tersebut.
- 15.2 Kerja Kursus terdiri daripada **lima** bentuk kerja kursus, iaitu kertas projek, kajian lapangan, amali sains, amali sains sukan, dan ujian syafawi. Dalam aspek wajaran pula, peratusan wajaran yang ditawarkan dalam Kerja Kursus adalah berbeza mengikut mata pelajaran, iaitu antara 20% hingga 40%.
- 15.3 Manual Kerja Kursus bagi setiap mata pelajaran untuk guru dan calon boleh dimuat turun daripada portal MPM pada semester yang menawarkan Kerja Kursus **walaupun bagaimanapun** Manual Kerja Kursus bagi mata pelajaran Perakaunan, *Mathematics (Management)*, *Mathematics (Technical)*, *Information and Communication Technology*, *Physics*, *Chemistry*, *Biology* dan Sains Sukan yang dimuat naik pada Semester 1.
- 15.4 Sekiranya guru kerja kursus bagi sesuatu mata pelajaran bersara atau sakit berpanjangan dan tidak ada pengganti, maka Pengetua Sekolah hendaklah memaklumkan MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) dengan kadar SEGERA.
- 15.5 Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM, boleh memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus atau tidak melaksanakannya. (Rujuk 4.4)
- 15.6 Soalan Tema Kerja Kursus boleh dimuat turun pada semester yang menawarkan Kerja Kursus melalui portal MPM.
- 15.7 Calon Berkeperluan Khas (CBK) hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada MPM dengan kadar segera jika menghadapi masalah untuk melaksanakan kerja kursus.

- 16 Pembetulan Markah Kerja Kursus STPM** (Rujuk Buku Garis Panduan Umum Pengurusan dan Pengendalian Kerja Kursus)
- 16.1 **Markah mentah KK** hendaklah dihantar ke MPM secara e-submission mengikut tarikh yang telah ditetapkan. MPM akan memuat naik markah KK dalam portal MPM untuk **semakan guru mata pelajaran. Dua minggu selepas tarikh akhir e-submission (November hingga Disember)** markah KK ditutup, Permohonan pembetulan markah KK (jika ada) boleh dibuat kepada MPM dalam tempoh satu bulan dari tarikh muat naik tersebut dengan menyertakan evidens calon terlibat. Markah KK mesti berdasarkan maklumat dalam Borang Markah Kerja Kursus (BRUMKK) yang telah dihantar lebih awal ke MPM.
- 16.2 **Tiada lagi** pembetulan markah KK selepas keputusan **peperiksaan Semester 3 dan keputusan Kerja Kursus** dimuat naik ke portal MPM. Keputusan adalah muktamad.
- 17 Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan Semester (Peperiksaan Ulangan 1 dan Ulangan 2)**
- 17.1 **Tiada** prasyarat kelulusan gred minimum dalam sesuatu semester untuk melayakkan pelajar mengikuti pengajian pada semester yang berikutnya.
- 17.2 Calon hanya dibenarkan mengulang peperiksaan bertulis Semester 1 dan/atau peperiksaan bertulis Semester 2 bagi tujuan memperbaiki keputusan peperiksaan berkenaan pada hujung **Semester 3 sahaja bagi kohort yang sama**. Peluang untuk menduduki peperiksaan ulangan bagi semester yang berkenaan **hanya sekali sahaja**.
- 17.3 Keputusan peperiksaan semester yang terbaik (skor tertinggi) akan diambil kira antara peperiksaan bertulis yang diduduki kali pertama dengan peperiksaan ulangan.
- 17.4 Calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis sesuatu semester akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00** per kertas. Calon hendaklah membeli PIN MEC untuk mendapatkan nombor mendaftar peperiksaan ulangan.
- 17.5 **Tiada** peperiksaan ulangan bagi Kerja Kursus dan juga peperiksaan kertas alternatif bertulis yang menggantikan Kerja Kursus serta kertas bertulis Semester 3.
- 17.6 Calon yang **tidak hadir** dalam peperiksaan semester dengan alasan yang **tidak munasabah** dan calon yang **disabitkan** dengan kes salah laku, **tidak** dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan. Ini kerana tujuan asas peperiksaan ulangan adalah untuk memperbaiki keputusan peperiksaan semester yang telah diduduki.
- 17.7 Calon yang tidak dapat hadir dalam peperiksaan semester dengan alasan yang munasabah hendaklah mengemukakan permohonan ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dengan **kadar segera** sebelum/selepas sesuatu peperiksaan semester itu bermula/tamat. **Bukti sokongan** juga hendaklah disertakan bersama dengan surat permohonan untuk menduduki peperiksaan ulangan. Caj sebanyak **RM50.00** per kertas akan dikenakan.

- 17.8 Calon yang hendak menukar mata pelajaran yang telah didaftarkan bagi peperiksaan ulangan **selepas tarikh tutup pendaftaran**, caj sebanyak RM50.00 akan dikenakan. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk kiriman wang/bank draf atas nama **Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia**. Calon yang ingin menukar mata pelajaran **sebulan selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dilayan**.
- 17.9 Calon **WAJIB** membeli PIN MEC apabila pendaftaran dibuka dan membuat pendaftaran dalam tempoh pendaftaran dibuka.
- 17.10 Calon yang telah membeli PIN MEC Ulangan 1 atau Ulangan 2 hendaklah membuat pendaftaran dalam tempoh pendaftaran dibuka. MPM **tidak** akan menerima pendaftaran calon **selepas 1 bulan daripada tarikh tutup pendaftaran** Ulangan 1 dan Ulangan 2 dan **PIN MEC ini tidak boleh digunakan lagi termasuk sebagai bayaran calon bantahan serta wang pembelian PIN MEC tersebut tidak akan dipulangkan**.

18 Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Semester

- 18.1 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan semester akan dibuka secara dalam talian dengan membeli nombor PIN MEC secara dalam talian (<http://dapatpay.dapat.com/mpm>). Maklumat lanjut berkaitan dengan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan boleh didapati daripada portal MPM.
- 18.2 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan semester akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00** bagi satu kertas.
- 18.3 Rayuan penyemakan semula adalah secara dalam talian sahaja.
- 18.4 Sekolah yang membuat permohonan untuk menyemak semula keputusan peperiksaan semester semua calon mereka bagi satu kertas peperiksaan dikehendaki membayar RM50.00 bagi setiap calon (**Contoh: Calon sekolah yang menduduki peperiksaan kertas Pengajian Am 1 ialah seramai 100 orang. Jumlah yang perlu dibayar oleh pihak sekolah bagi menyemak keputusan peperiksaan kertas Pengajian Am 1 sekolah tersebut ialah 100 orang x RM50.00 = RM5000.00**). Bayaran hendaklah dikemukakan dalam bentuk kiriman wang/bank draf atas nama Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**)
- 18.5 **Tiada** rayuan penyemakan semula untuk **kertas peperiksaan alternatif bertulis, Kerja Kursus, dan kertas peperiksaan ulangan**.
- 18.6 Cara penyemakan semula keputusan peperiksaan semester adalah seperti yang berikut:
- (a) Menyemak penghitungan markah dan ketepatan gred yang diberikan bagi sesuatu kertas dan mata pelajaran
 - (b) Memeriksa semula skrip jawapan calon oleh pemeriksa yang sangat berpengalaman
- 18.7 Keputusan penyemakan semula akan dimaklumkan kepada calon melalui portal MPM.
- 18.8 Keputusan penyemakan semula yang dibuat oleh MPM adalah **muktamad**.

19 Perhatian untuk Calon

Calon diminta mengambil perhatian tentang perkara yang berikut:

- (a) Calon **tidak** boleh membawa masuk telefon bimbit, kamera, radio, perakam suara, dan apa-apa peranti elektronik berkeupayaan *bluetooth/wifi* serta alat-alat berbahaya ke dalam dewan/bilik peperiksaan **kecuali** yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.
- (b) Calon **tidak** boleh menghantar skrip jawapan/sebahagian daripada skrip jawapan yang dibawa keluar daripada dewan peperiksaan sama ada semasa atau selepas tamat peperiksaan dengan apa juga alasan. Ketua Pengawas **tidak** akan menerima skrip jawapan/sebahagian daripada skrip jawapan tersebut.
- (c) Calon hendaklah memberitahu Pengawas dengan **serta-merta** sekiranya
 - (i) calon telah diberi kertas soalan bagi sesuatu kertas yang **tidak** diambil olehnya, atau
 - (ii) calon telah diberi kertas soalan yang lain daripada yang dijadualkan bagi sesi peperiksaan berkenaan.
- (d) Calon **tidak** dibenarkan melipat helaian kertas tulis yang dibekalkan untuk mengelakkan calon daripada disyaki membawa masuk kertas tulis. Jika calon menerima helaian kertas tulis yang mempunyai kesan lipatan, calon diminta menyerahkan semula helaian kertas tulis itu kepada Pengawas.
- (e) Calon **tidak** dibenarkan membawa keluar helaian kertas tulis sama ada yang telah atau yang belum digunakan dari dewan/bilik peperiksaan.
- (f) Calon **tidak** dibenarkan merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan/kawasan sekolah.
- (g) Calon dinasihati supaya berpakaian kemas dan sesuai serta sentiasa mengikut tatatertib di dalam dewan/bilik peperiksaan.

20 Pembatalan Keputusan dan Penyingkiran Calon

20.1 Selaras dengan Akta MPM, calon diberi amaran oleh MPM supaya:

- (a) **Jangan** membawa atau menerima daripada sesiapa sahaja, apa-apa buku, nota, kertas, dokumen, gambar, atau apa-apa peranti lain, **kecuali** apa yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas peperiksaan;
- (b) **Jangan** berhubung dengan mana-mana calon lain atau mana-mana orang semasa peperiksaan berlangsung, walau dengan apa cara sekalipun, **kecuali** dengan kebenaran Ketua Pengawas;
- (c) **Jangan** melanggar atau engkar apa-apa arahan Majlis Peperiksaan Malaysia, Ketua Pengawas, atau Pengawas;
- (d) **Jangan** mengganggu ketenteraman atau melakukan kekacauan di dalam atau di sekitar dewan/bilik peperiksaan;
- (e) **Jangan** bersubahat dengan seorang lain dengan tujuan untuk menipu;
- (f) **Jangan** mewakili orang lain menduduki peperiksaan ini untuk diri calon;
- (g) **Jangan** menipu atau cuba menipu, atau berkelakuan dengan cara yang boleh dianggap sebagai menipu, atau cuba menipu untuk tujuan peperiksaan ini.

20.2 Jika calon **melanggar mana-mana amaran** pada para 15.1 di atas, sama ada dengan cara disedari atau **tidak** disedari, calon akan didakwa di bawah kaedah 3 dan 4, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225], Kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara Dalam Kes Salah Laku, 1986).

20.3 Jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang calon telah melanggar arahan dan amaran bagi peperiksaan ini atau terlibat dalam sebarang perbuatan salah laku, biadab atau melakukan sebarang perbuatan tidak jujur yang bersabit dengan peperiksaan ini, Majlis berhak menyingkirkan calon berkenaan daripada peperiksaan ini dan **tidak** membenarkannya meneruskan peperiksaan ini, membatalkan keputusannya bagi mana-mana kertas atau mata pelajaran atau membatalkan keputusannya bagi seluruh peperiksaan ini, dan **tidak** membenarkan calon mendaftarkan diri sebagai calon untuk peperiksaan STPM bagi suatu tempoh yang difikirkan patut oleh Majlis.

20.4 Jika Majlis berpuas hati bahawa sesuatu perbuatan salah laku atau perbuatan melanggar arahan atau amaran bagi peperiksaan ini telah berlaku dengan meluas di sesuatu pusat peperiksaan, atau keadaan pada masa peperiksaan itu dijalankan **tidak** memuaskan, maka Majlis berhak membatalkan seluruh peperiksaan di pusat berkenaan atau membatalkan peperiksaan bagi satu mata pelajaran atau lebih di pusat peperiksaan berkenaan.

20.5 Calon yang **disabitkan dengan kes salah laku** dalam mana-mana kertas mata pelajaran pada semester berkenaan, **tidak akan dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan** bagi kertas tersebut. Kertas yang disabitkan dengan kes salah laku pada mana-mana semester, akan menyebabkan gred mata pelajaran **tersebut dibatalkan (Kod Z)**. Sekiranya calon disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana peperiksaan ulangan semester, calon juga akan mendapat hukuman yang sama.

- 20.6 Calon yang disabitkan dengan kes salah laku pada Semester 1 atau Semester 2 dibenarkan untuk mendaftar mata pelajaran baharu bagi menggantikan mata pelajaran yang dibatalkan. Calon akan mendaftar mata pelajaran baharu pada Semester 2 atau semester 3. Calon akan menduduki peperiksaan Semester 3, Ulangan 1 atau Ulangan 2 bagi mata pelajaranbaaru tersebut.

21 Pemberitahuan tentang Keputusan Peperiksaan STPM

- 21.1 Keputusan bagi ketiga-tiga semester dan ulangan yang menunjukkan gred kertas akan dimuat naik ke portal MPM mengikut semester. Calon boleh mencetak slip keputusan masing-masing daripada portal MPM. Keputusan ini boleh juga disemak melalui SMS. Untuk menghantar SMS, taip **STPM<jarak><nombor kad pengenalan>**, dan **hantar ke 15888**.
- 21.2 Keputusan keseluruhan peperiksaan bagi semua semester yang digabungkan yang menunjukkan gred kertas, gred mata pelajaran, dan nilai gred mata pelajaran akan dikeluarkan semasa pengumuman keputusan peperiksaan STPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri (Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan) dalam bentuk slip keputusan STPM. Slip keputusan ini **bukan** sijil (rujuk para 22 pada halaman 26). Calon boleh juga menyemak keputusan STPM masing-masing melalui portal MPM dan SMS.
- 21.3 Penentuan gred mata pelajaran adalah berdasarkan **jumlah markah terbaik bagi kertas Semester 1 atau Ulangan 1, kertas Semester 2 atau Ulangan 2, kertas Semester 3, dan kerja kursus (jika berkaitan) bagi mata pelajaran berkenaan**.

Contoh penentuan gred mata pelajaran:

Kod	Mata Pelajaran	Wajaran (%)	Gred Kertas	Gred Mata Pelajaran	Nilai Gred Mata Pelajaran
900	Pengajian Am			B+	3.3
	Pengajian Am 1	29.0	A		
	Pengajian Am 2	22.0	C-		
	Pengajian Am 3	29.0	A		
	Pengajian Am 4	20.0	A		

- 21.4 Gred kertas dan gred mata pelajaran ditunjukkan dengan gred A hingga F, dengan gred A sebagai gred yang tertinggi manakala gred F sebagai gred gagal. Setiap gred mata pelajaran diberi Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP).

- 21.5 Gred kertas, gred mata pelajaran, dan NGMP yang dinyatakan dalam slip keputusan adalah seperti dalam jadual yang berikut:

GRED KERTAS	GRED MATA PELAJARAN	NGMP	TAHAP PENCAPAIAN
A	A	4.00	Lulus Penuh
A-	A-	3.67	Lulus Penuh
B+	B+	3.33	Lulus Penuh
B	B	3.00	Lulus Penuh
B-	B-	2.67	Lulus Penuh
C+	C+	2.33	Lulus Penuh
C	C	2.00	Lulus Penuh
C-	C-	1.67	Lulus Sebahagian
D+	D+	1.33	Lulus Sebahagian
D	D	1.00	Lulus Sebahagian
F	F	0.00	Gagal

- 21.6 Bagi gred mata pelajaran, gred C hingga A yang diberi nilai 2.00 hingga 4.00 ialah gred lulus penuh, manakala gred D hingga C- yang diberi nilai 1.00 hingga 1.67 ialah gred lulus sebahagian, dan gred F yang diberi nilai 0.00 ialah gred gagal.
- 21.7 Pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) adalah berdasarkan purata nilai gred bagi **empat** mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am (tertakluk kepada kaedah yang diguna pakai oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pendidikan Tinggi).
- 21.8 PNGK tidak akan tertera sekiranya:
- Gred mata pelajaran Pengajian Am diberi kod W, X, Y atau Z
 - Gred mata pelajaran bagi mana-mana tiga mata pelajaran lain selain Pengajian Am diberi kod W, X, Y atau Z (Jika calon daftar 4 mata pelajaran)

Contoh pengiraan PNGK:

Contoh 1:

Kod	Mata Pelajaran	Gred Mata Pelajaran	NGMP
900	Pengajian Am	B+	3.33
960	<i>Physics</i>	B	3.00
962	<i>Chemistry</i>	A-	3.67
964	<i>Biology</i>	A	4.00
			14.00

$$\text{Jumlah NGMP} = 3.33 + 3.00 + 3.67 + 4.00 = 14.00$$

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= \frac{14.00}{4} \\ &= \mathbf{3.50}\end{aligned}$$

Contoh 2:

Kod	Mata Pelajaran	Gred Mata Pelajaran	NGMP
900	Pengajian Am	C+	2.33
954	<i>Mathematics (T)</i>	C	2.00
960	<i>Physics</i>	B-	2.67
962	<i>Chemistry</i>	D	1.00
964	<i>Biology</i>	C	2.00
			9.00

$$\begin{aligned}\text{Jumlah NGMP} &= 2.33 + 2.00 + 2.67 + 2.00 \text{ (Pilih empat mata pelajaran yang terbaik)} \\ &= 9.00\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{PNGK} &= \frac{9.00}{4} \\ &= \mathbf{2.25}\end{aligned}$$

Contoh 3:

Kod	Mata Pelajaran	Gred Mata Pelajaran	NGMP
900	Pengajian Am	A	4.00
954	<i>Mathematics (T)</i>	A	4.00
960	<i>Physics</i>	A	4.00
962	<i>Chemistry</i>	Z	-
			-

Jumlah NGMP = **TIADA**

PNGK = **TIADA**

Contoh 4:

Kod	Mata Pelajaran	Gred Mata Pelajaran	NGMP
900	Pengajian Am	X	-
954	<i>Mathematics (T)</i>	C	2.00
960	<i>Physics</i>	B-	2.67
962	<i>Chemistry</i>	D	1.00
964	<i>Biology</i>	F	0.00
			-

Jumlah NGMP = **TIADA**

PNGK = **TIADA**

- 21.9 Calon akan mendapat keputusan dengan kod X dalam sesuatu mata pelajaran bagi kes yang berikut:
- Tidak** menduduki peperiksaan bertulis dalam mana-mana kertas
 - Tidak** menghantar Kerja Kursus (**tiada** markah Kerja Kursus)
 - Tidak** hadir menduduki peperiksaan bertulis kertas alternatif bertulis menggantikan kerja kursus (calon yang mendaftar kertas alternatif)
- 21.10 MPM berhak meminda maklumat pada slip keputusan yang dikirimkan kepada calon sebelum pengeluaran sijil.
- 21.11 *Calon yang disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana semester, tidak akan dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan bagi semester tersebut. Kertas yang disabitkan dengan kes salah laku pada mana-mana semester, akan menyebabkan gred mata pelajaran tersebut dibatalkan (**Kod Z**). Sekiranya, calon disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana peperiksaan ulangan juga, calon akan mendapat hukuman yang sama.

- 21.12 Penerangan berkaitan dengan kod yang mungkin akan tercetak pada slip keputusan peperiksaan calon mengikut kes adalah seperti yang berikut:

Kod	Penerangan Kes Calon
W	Calon tidak menjelaskan bayaran yuran pendaftaran/bayaran sebagai calon bantahan/bayaran pindah/tumpang pusat.
X	Calon tidak hadir menduduki peperiksaan/tidak menghantar kerja kursus.
Y	Keputusan calon ditahan disebabkan siasatan kes salah laku.
Z	Keputusan kertas/mata pelajaran calon dibatalkan kerana calon disabitkan kes salah laku.

- 21.13 Keputusan peperiksaan bagi setiap semester, ulangan, dan keseluruhan calon akan ditahan sekiranya calon mendapat kod W.
- 21.14 Calon yang mendaftar peperiksaan bagi kertas Ulangan 1 atau Ulangan 2 bagi mana-mana kertas tetapi tidak hadir, maka markah peperiksaan kertas tersebut diambil daripada markah peperiksaan Semester 1 atau Semester 2.
- 21.15 Calon yang mendapat keputusan Z, yang dibatalkan dua atau lebih mata pelajaran atau dua atau lebih peperiksaan **tidak dibenarkan** memperbaiki keputusan pada tahun berikutnya.

22 Sijil STPM

- 22.1 Sijil STPM akan dianugerahkan kepada calon yang mendapat sekurang-kurangnya lulus sebahagian dalam satu mata pelajaran (rujuk para 17.5 pada halaman 20). Semua sijil STPM akan dikeluarkan melalui Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan) **selewat-lewatnya 2 bulan selepas keputusan peperiksaan.**
- 22.2 Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan hendaklah mengambil sijil STPM mereka di sekolah masing-masing.
- 22.3 Calon calon persendirian individu hendaklah mengambil sijil STPM mereka di SPP, JPN di negeri masing-masing, bagi calon sekolah swasta/institusi boleh mendapatkan di sekolah atau institusi masing-masing.
- 22.4 Calon diberi tempoh 24 bulan (2 tahun) selepas sijil STPM dihantar kepada Pengarah Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan) untuk mengambil sijil mereka. Selepas tempoh tersebut, pihak sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. Sektor/Unit Pentaksiran dan Peperiksaan) akan mengembalikan sijil STPM yang tidak dituntut kepada MPM. Calon yang ingin mendapatkan sijil STPM selepas tempoh tersebut hendaklah berurusan terus dengan MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00**. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang (*money order*) atau *bank draft* atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia.**

- 22.5 Sijil STPM hanya dikeluarkan **sekali sahaja** bagi tahun peperiksaan berkenaan, iaitu selepas calon selesai menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga semester. Calon yang kehilangan sijil STPM hanya boleh memohon untuk mendapatkan **salinan sijil STPM** sahaja. Permohonan ini hendaklah disertai dengan maklumat calon, seperti **nama penuh, nama sekolah** (jika ada), **tahun peperiksaan diambil, nama pusat peperiksaan, nombor kad pengenalan, dan angka giliran.**
- 22.6 Caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan bagi setiap permohonan mendapatkan **salinan sijil STPM**. Bayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan kiriman wang (*money order*) atau *bank draft* atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia.**
- 22.7 Calon yang ingin mendapatkan transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris hendaklah mengemukakan bahan yang berikut:
- (a) Surat permohonan transkrip sijil STPM yang menyatakan alamat universiti dalam/luar negara yang dipohon
 - (b) Salinan slip keputusan STPM atau salinan sijil STPM
 - (c) Bayaran perkhidmatan sebanyak **RM50.00** bagi setiap transkrip sijil STPM hendaklah dibuat secara kiriman wang (*money order*) atau *bank draft* atas nama **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia.**
- 22.8 Transkrip sijil STPM dalam versi bahasa Inggeris akan dihantar terus oleh MPM kepada universiti/institusi yang berkenaan. Salinan transkrip sijil STPM dan salinan surat tentang penghantaran transkrip tersebut kepada universiti/institusi berkenaan akan dihantar kepada calon.
- 22.9 Calon yang ingin mendapatkan transkrip sijil STPM perlu melengkapkan borang **MPM/S4** yang boleh dimuat turun daripada portal MPM dan menghantar ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) berserta bayaran sebanyak **RM 50.00**
- 22.10 Sekiranya terdapat sebab tertentu keputusan calon dibatalkan, MPM berhak menarik balik sijil STPM yang telah dikeluarkan kepada calon.

23 Laporan Peperiksaan STPM

Laporan peperiksaan STPM yang memberikan ulasan tentang jawapan calon dalam peperiksaan STPM akan dikeluarkan pada tahun berikutnya. Laporan ini akan dimuat naik ke portal MPM.

24 Hasil Kerja Calon

- 24.1 Skrip jawapan calon dan hasil kerja calon dalam sebarang bentuk untuk peperiksaan ini akan menjadi **hak milik MPM.**
- 24.2 Markah yang diperolehi oleh calon dalam peperiksaan STPM diperingkatkan sebagai **SULIT** dan tidak dizahirkan.

25 Pemilihan Mata Pelajaran STPM

- 25.1 Peperiksaan STPM merupakan sijil terbuka.
- 25.2 Dalam satu sesi peperiksaan calon boleh mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dan selebih-lebihnya lima mata pelajaran. Jika calon mengambil lima atau empat mata pelajaran, satu daripadanya mestilah Pengajian Am.
- 25.3 Calon **tidak** boleh mengambil kombinasi kertas yang **tidak** dibenarkan oleh Sukatan Pelajaran Peperiksaan.
- 25.4 Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 **dibenarkan** untuk mengambil mata pelajaran yang **tidak** ditawarkan di sekolah/institusi (luar pakej sekolah) dengan syarat mata pelajaran yang hendak diambil itu mempunyai **kertas alternatif bertulis** yang menggantikan Kerja Kursus. Namun demikian, kelulusan untuk mengambil kertas alternatif bertulis ini di sekolah perlu **mendapat kebenaran MPM secara bertulis**. Pengetua sekolah bertanggungjawab memaklumkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan perkara ini. Sekolah **tidak** dibenarkan meneruskan tawaran peperiksaan kertas alternatif bertulis ini sehingga **mendapat kelulusan MPM**.
- 25.5 Sekiranya perkara pada para 25.4 tidak dapat diurus oleh sekolah atau mata pelajaran yang ingin diambil **tidak** ditawarkan oleh sekolah, calon dinasihatkan untuk berpindah ke sekolah yang menawarkan mata pelajaran tersebut. Perpindahan tersebut adalah tanggungjawab calon. Bahan Kerja Kursus calon hendaklah dihantar ke sekolah beliau.
- 25.6 Calon yang ingin mengambil mata pelajaran Sains Sukan (966) hendaklah mendaftar pada awal Semester 1 sebelum Kerja Kursus Semester 1 dilaksanakan. Calon **tidak dibenarkan** mendaftar mata pelajaran Sains Sukan (966) selepas Kerja Kursus Semester 1 dilaksanakan.

26 Mata Pelajaran yang Ditawarkan dan Buku Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM

26.1 Sebanyak 23 mata pelajaran ditawarkan dalam peperiksaan STPM seperti yang disenaraikan di bawah ini:

Bil.	Kod	Mata Pelajaran
1.	900	Pengajian Am
2.	910	Bahasa Melayu
3.	911	Bahasa Cina
4.	912	Bahasa Tamil
5.	913	Bahasa Arab
6.	920	<i>Literature in English</i>
7.	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
8.	930	Syariah
9.	931	Usuluddin
10.	932	Tahfiz Al-Quran
11.	940	Sejarah
12.	942	Geografi
13.	944	Ekonomi
14.	946	Pengajian Perniagaan
15.	948	Perakaunan
16.	950	<i>Mathematics (Management)</i>
17.	954	<i>Mathematics (Technical)</i>
18.	958	<i>Information and Communications Technology</i>
19.	960	<i>Physics</i>
20.	962	<i>Chemistry</i>
21.	964	<i>Biology</i>
22.	966	Sains Sukan
23.	970	Seni Visual

26.2 Sukatan Pelajaran Peperiksaan bagi mata pelajaran peperiksaan STPM boleh dimuat turun daripada portal MPM.

27 Perhatian:

- (a) Calon yang mengambil kurang daripada lima mata pelajaran dalam peperiksaan STPM dinasihati supaya mengambil mata pelajaran Pengajian Am kerana pemilihan masuk ke IPTA mengambil kira gred keputusan Pengajian Am yang diambil dalam satu peperiksaan.
- (b) Kertas alternatif bertulis adalah kertas peperiksaan yang wajib diduduki oleh calon persendirian/individu bagi menggantikan Kerja Kursus untuk mata pelajaran tertentu.
- (c) Kertas alternatif bertulis wajib diduduki oleh calon yang mengambil mata pelajaran di luar pakej sekolah.
- (d) Calon yang memohon masuk ke **Universiti Awam (UA)** menggunakan keputusan STPM mesti menduduki *Malaysian University English Test* (MUET).
- (e) MUET dijalankan **tiga** kali setahun.
- (f) MUET juga dilaksanakan secara *MUET on DEMAND* (MoD). Ujian MoD dibuat setiap bulan dan berdasarkan permohonan agensi.
- (g) Maklumat tentang MUET dapat diperoleh dalam buku ***MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) – Regulations, Test Specifications, Test Format and Sample Questions***, dan melalui portal MPM.

SENARAI MATA PELAJARAN DAN KERTAS

Berikut ialah senarai mata pelajaran dan kertas yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM.

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
1.	900	Pengajian Am	900/1	Pengajian Am 1	29	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			900/2	Pengajian Am 2	22	1½ jam	
			900/3	Pengajian Am 3	29	2 jam	
			900/4	Pengajian Am 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 2	
2.	910	Bahasa Melayu	910/1	Bahasa Melayu 1	33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			910/2	Bahasa Melayu 2	20	1½ jam	
			910/3	Bahasa Melayu 3	22	1½ jam	
			910/4	Bahasa Melayu 4 (Kerja Kursus)	8	Semester 2	
			910/5	Bahasa Melayu 5 (Kerja Kursus)	17	Semester 3	
3.	911	Bahasa Cina	911/1	Bahasa Cina 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			911/2	Bahasa Cina 2	33.33	2 jam	
			911/3	Bahasa Cina 3	33.33	2 jam	
4.	912	Bahasa Tamil	912/1	Bahasa Tamil 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			912/2	Bahasa Tamil 2	33.33	2 jam	
			912/3	Bahasa Tamil 3	33.33	2 jam	
5.	913	Bahasa Arab	913/1	Bahasa Arab 1	28	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			913/2	Bahasa Arab 2	28	2 jam	
			913/3	Bahasa Arab 3	20	1½ jam	
			913/4	Bahasa Arab 4 (Ujian Lisan)	12	15 minit	
			913/5	Bahasa Arab 5 (Kerja Kursus)	12	Semester 3	
6.	920	<i>Literature in English</i>	920/1	<i>Literature in English 1</i>	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			920/2	<i>Literature in English 2</i>	33.33	2 jam	
			920/3	<i>Literature in English 3</i>	33.33	2 jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
7.	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	922/1	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			922/2	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 2	26.67	2 jam	
			922/3	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 3	26.67	2 jam	
			922/4	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 2 hingga Semester 3	
8.	930	Syariah	930/1	Syariah 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			930/2	Syariah 2	26.67	2 jam	
			930/3	Syariah 3	26.67	2 jam	
			930/4	Syariah 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 2	
9.	931	Usuluddin	931/1	Usuluddin 1	26.67	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			931/2	Usuluddin 2	26.67	2 jam	
			931/3	Usuluddin 3	26.67	2 jam	
			931/4	Usuluddin 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 3	
10.	932	Tahfiz Al-Quran	932/1	Tahfiz Al-Quran 1	20	2 ½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh calon. Mata pelajaran ini hanya boleh diambil oleh calon dari sekolah kerajaan atau sekolah swasta atau calon sekolah kerajaan negeri yang dibenarkan oleh MPM untuk menawarkan mata pelajaran ini. Calon yang pernah menduduki mata pelajaran ini pada STPM tahun sebelum dibenarkan mengulang mata pelajaran ini.
			932/2	Tahfiz Al-Quran 2	23.33	2 ½ jam	
			932/3	Tahfiz Al-Quran 3	23.33	2 ½ jam	
			932/4	Tahfiz Al-Quran 4 (Kerja Kursus)	33.33	Semester 1 hingga Semester 3	
11.	940	Sejarah	940/1	Sejarah 1	29	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			940/2	Sejarah 2	22	1½ jam	
			940/3	Sejarah 3	29	2 jam	
			940/4	Sejarah 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 2	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan nama kertas mata pelajaran		Wajaran (%)	Masa	Nota
12.	942	Geografi	942/1	Geografi 1	32	2 jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Geografi di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil kertas 5.
			942/2	Geografi 2	32	2 jam	
			942/3	Geografi 3	16	1 jam	
			942/4	Geografi 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 3	
			942/5	Geografi 5 (Kertas Alternatif Bertulis)	20	1¼ jam	
13.	944	Ekonomi	944/1	Ekonomi 1	32	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			944/2	Ekonomi 2	32	2 jam	
			944/3	Ekonomi 3	16	1 jam	
			944/4	Ekonomi 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 3	
14.	946	Pengajian Perniagaan	946/1	Pengajian Perniagaan 1	25	1¼ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			946/2	Pengajian Perniagaan 2	25	1¼ jam	
			946/3	Pengajian Perniagaan 3	25	1¼ jam	
			946/4	Pengajian Perniagaan 4 (Kerja Kursus)	25	Semester 3	
15.	948	Perakaunan	948/1	Perakaunan 1	33.33	2 jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Perakaunan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5. Sekiranya calon jenis 2 berminat untuk mengambil Kertas 4, pihak sekolah perlu menyediakan fasiliti dan mengemukakan permohonan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia untuk kelulusan.
			948/2	Perakaunan 2	33.33	2 jam	
			948/3	Perakaunan 3	16.67	1 jam	
			948/4	Perakaunan 4 (Kerja Kursus)	16.67	Semester 3	
			948/5	Perakaunan 5 (Kertas Alternatif Bertulis)	16.67	1¼ jam	
16.	950	<i>Mathematics (Management)</i>	950/1	<i>Mathematics (Management) 1</i>	26.67	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon. <i>Mathematics (Management)</i> tidak boleh diambil bersama dengan <i>Mathematics (Technical)</i> .
			950/2	<i>Mathematics (Management) 2</i>	26.67	1½ jam	
			950/3	<i>Mathematics (Management) 3</i>	26.67	1½ jam	

			950/4	<i>Mathematics (Management) 4 (Course Work)</i>	20	Semester 1, 2, dan 3	
17.	954	<i>Mathematics (Technical)</i>	954/1	<i>Mathematics (Technical) 1</i>	26.67	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon. <i>Mathematics (Technical)</i> tidak boleh diambil bersama dengan <i>Mathematics (Management)</i> .
			954/2	<i>Mathematics (Technical) 2</i>	26.67	1½ jam	
			954/3	<i>Mathematics (Technical) 3</i>	26.67	1½ jam	
			954/4	<i>Mathematics (Technical) 4 (Course Work)</i>	20	Semester 1, 2, dan 3	
18.	958	<i>Information and Communications Technology</i>	958/1	<i>Information and Communications Technology 1</i>	20	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh calon. Mata pelajaran ini hanya boleh diambil oleh calon dari sekolah kerajaan atau sekolah swasta yang dibenarkan oleh MPM untuk menawarkan mata pelajaran ini. Calon yang pernah menduduki mata pelajaran ini pada STPM tahun sebelum dibenarkan mengulang mata pelajaran ini.
			958/2	<i>Information and Communications Technology 2</i>	20	1½ jam	
			958/3	<i>Information and Communications Technology 3</i>	20	1½ jam	
			958/4	<i>Information and Communications Technology 4 (Course Work)</i>	40	Semester 1, 2, dan 3	
19.	960	<i>Physics</i>	960/1	<i>Physics 1</i>	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8, dan calon yang mengambil <i>Physics</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			960/2	<i>Physics 2</i>	26.67	1½ jam	
			960/3	<i>Physics 3</i>	26.67	1½ jam	
			960/4	<i>Physics 4 (Course Work)</i>	20	Semester 1, 2, dan 3	
			960/5	<i>Physics 5 (Kertas Alternatif Bertulis)</i>	20	1½ jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan nama kertas mata pelajaran		Wajaran (%)	Masa	Nota
20.	962	<i>Chemistry</i>	962/1	<i>Chemistry 1</i>	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8, dan calon yang mengambil <i>Chemistry</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			962/2	<i>Chemistry 2</i>	26.67	1½ jam	
			962/3	<i>Chemistry 3</i>	26.67	1½ jam	
			962/4	<i>Chemistry 4 (Course Work)</i>	20	Semester 1, 2, dan 3	
			962/5	<i>Chemistry 5 (Kertas Alternatif Bertulis)</i>	20	1½ jam	
21.	964	<i>Biology</i>	964/1	<i>Biology 1</i>	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, 8 dan calon yang mengambil <i>Biology</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			964/2	<i>Biology 2</i>	26.67	1½ jam	
			964/3	<i>Biology 3</i>	26.67	1½ jam	
			964/4	<i>Biology 4 (Course Work)</i>	20	Semester 1, 2, dan 3	
			964/5	<i>Biology 5 (Kertas Alternatif Bertulis)</i>	20	1½ jam	
22.	966	Sains Sukan	966/1	Sains Sukan 1	25	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, dan calon yang mengambil Sains Sukan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			966/2	Sains Sukan 2	25	1½ jam	
			966/3	Sains Sukan 3	25	1½ jam	
			966/4	Sains Sukan 4 (Kerja Kursus)	25	Semester 1, 2, dan 3	
			966/5	Sains Sukan 5 (Kertas Alternatif Bertulis)	25	2 jam	

Bil	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan nama kertas mata pelajaran		Wajaran (%)	Masa	Nota
23.	970	Seni Visual	970/1	Seni Visual 1	40	2 jam	Kertas 1 dan Kertas 2 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 3. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Seni Visual di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 4.
			970/2	Seni Visual 2	35	3 jam	
			970/3	Seni Visual 3 (Kerja Kursus)	25	Semester 3	
			970/4	Seni Visual 4	25	3 jam	

SENARAI BUKU SUKATAN PELAJARAN PEPERIKSAAN

Sukatan pelajaran peperiksaan yang lengkap bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dicetak dalam buku-buku yang berasingan mengikut mata pelajaran seperti yang berikut:

Bil.	Mata Pelajaran	Tahun Mula Digunakan*
1.	Pengajian Am	2012
2.	Bahasa Melayu	2012
3.	Bahasa Cina	2012
4.	Bahasa Tamil	2012
5.	Bahasa Arab	2012
6.	<i>Literature in English</i>	2012
7.	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	2012
8.	Syariah	2012
9.	Usuluddin	2012
10.	Tahfiz Al-Quran	2019
11.	Sejarah	2012
12.	Geografi	2012
13.	Ekonomi	2012
14.	Pengajian Perniagaan	2012
15.	Perakaunan	2012
16.	<i>Mathematics (Management)</i>	2012
17.	<i>Mathematics (Technical)</i>	2012
18.	<i>Information and Communications Technology</i>	2012
19.	<i>Physics</i>	2012
20.	<i>Chemistry</i>	2012
21.	<i>Biology</i>	2012
22.	Sains Sukan	2012
23.	Seni Visual	2012

* Sukatan pelajaran peperiksaan ini digunakan bagi peperiksaan tahun berkenaan dan tahun-tahun seterusnya sehingga perubahan dimaklumkan. Sukatan pelajaran peperiksaan ini boleh dimuat turun daripada portal MPM.

HALAMAN KOSONG

HALAMAN KOSONG

HALAMAN KOSONG

HALAMAN KOSONG

HALAMAN KOSONG

TERHAD

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. MPM merupakan sebuah badan pentaksiran yang diiktiraf di Malaysia untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ujian *Malaysian University English Test* (MUET) mengikut sesi dan mengikut kaedah *MUET on Demand* (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa, dan MPM telah berkolaborasi dengan Cambridge Assessment, United Kingdom sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET telah disejajarkan dengan *The Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dan diiktiraf serta diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.



Majlis Peperiksaan Malaysia
Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor, Darul Ehsan
www.mpm.edu.my
0361261600
0361367329
Edisi Mac 2022

TERHAD